



---

## **PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN)**

---

**Bilangan 1 Tahun 2021**

### **PELAKSANAAN PENJIMATAN KOS UNTUK KONTRAK PERKHIDMATAN PENGURUSAN FASILITI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Cawangan mengenai Pelaksanaan Penjimatan Kos untuk kontrak-kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti sedia ada dan yang akan datang di seluruh sistem UiTM.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
  - i. Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 05/2021 bertarikh 3 Februari 2021 telah meluluskan Cadangan Penjimatan Kontrak Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti 2.0 yang dikemukakan oleh Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, UiTM Shah Alam.
  - ii. Melaksanakan penjimatan kos kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti ke seluruh sistem UiTM dengan menjadikan pelaksanaan penjimatan yang dilakukan di UiTM Shah Alam sebagai rujukan.
  - iii. Pemakluman kesan pelaksanaan penjimatan kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan langkah-langkah untuk menangani kesan tersebut.

## **TUJUAN PELAKSANAAN**

3. Ketetapan pekeliling ini adalah selaras dengan langkah-langkah untuk memantapkan pengurusan bajet bagi mengawal perbelanjaan serta menjana pendapatan Universiti.

## **TERMA RUJUKAN**

4. Disertakan bersama Lampiran 1 – Garis Panduan Penjimatan Kontrak Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti di Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dilaksanakan di UiTM Shah Alam untuk dijadikan panduan kepada Bahagian Pengurusan Fasiliti Cawangan untuk melaksanakan penjimatan kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti di kampus masing-masing.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

5. Pekeliling ini dikeluarkan pada **01 Mac 2021**.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Tarikh kuatkuasa adalah **serta merta**.



**PROF DATO' TS DR MOHD FOZI ALI**  
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

*Dikelilingkan Kepada :*

*Semua Timbalan Naib Canselor  
Pendaftar  
Bendahari  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti/ Pengarah Pusat Akademik  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit*

*Bil Fail : 100-PPII(PTA 6/7/3)  
Pekeliling TNC (Pembangunan)*

## **LAMPIRAN 1**

# **GARIS PANDUAN PENJIMATAN KONTRAK PERKHIDMATAN PENGURUSAN FASILITI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

### **1. PENGENALAN**

Kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti merupakan kontrak yang menjalankan kerja-kerja pembersihan, pencucian, pembaikan, penggantian dan penyelenggaraan berkala. Tujuan kontrak-kontrak ini di wujudkan adalah untuk memastikan aset UiTM berada didalam keadaan selamat dan boleh digunakan, mematuhi kehendak dan keperluan undang-undang berkanun pihak berkuasa tempatan, mendapat memanjangkan jangkahayat maksima selari dengan perbelanjaan dan mencegah kerosakan berterusan sehingga menjaskan operasi utama universiti.

Dokumen ini boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk melaksanakan penjimatan perbelanjaan terhadap kos perkhidmatan pengurusan fasiliti bagi kontrak sedia ada dan akan datang.

### **2. SENARAI KONTRAK**

Kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti yang terdapat di UiTM Shah Alam dan akan terlibat dengan pelaksanaan penjimatan kontrak adalah seperti berikut:

- 2.1 Perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan.
- 2.2 Perkhidmatan pembaikan awam.
- 2.3 Perkhidmatan penyelenggaraan kawasan luar.
- 2.4 Perkhidmatan penyelenggaraan sistem penyaman udara jenis *split unit*.
- 2.5 Perkhidmatan penyelenggaraan elektrik domestic.
- 2.6 Perkhidmatan penyelenggaraan sistem infra mekanikal.
- 2.7 Perkhidmatan penyelenggaraan sistem telekomunikasi.
- 2.8 Perkhidmatan penyelenggaraan infra elektrik.

### **3. PENJIMATAN**

Penjimatan yang dicadangkan untuk kontrak membersih dan mencuci adalah dengan mengurangkan kekerapan pencucian di kawasan terhad seperti di dalam pejabat dan bilik-bilik pensyarah. Manakala ruang umum seperti bilik kuliah, dewan kuliah dan

tandas kekerapan pencucian adalah dikekalkan. Kekerapan kerja-kerja bagi kontrak landskap dan kawasan luar juga dikurangkan.

Penjimatan terhadap perkhidmatan penyelenggaraan peralatan dan loji untuk sistem mekanikal dan elektrikal adalah terhad kerana skop kerja di dalam kontrak perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada keperluan undang-undang berkanun yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.


Penjimatan ini akan dilaksanakan pada tahun 2021 untuk kontrak sedia ada dan seterusnya dikekalkan di dalam kontrak yang baharu.

Jadual 1.0 di bawah ini menunjukkan senarai kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti yang terlibat dengan kawalan dan pengurangan skop di UiTM Shah Alam.

Bil	Jenis Perkhidmatan	Keterangan
1.	Pembersihan dan pencucian.	Mengurangkan kekerapan pencucian di ruang terhad.
2.	Pembaikan pencawang elektrik.	Sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan oleh staf bahagian fasiliti. Oleh itu terdapat sedikit peningkatan dalam kos bayaran lebih masa staf.
3.	Penyelenggaraan pengurusan tenaga elektrik.	Penjimatan dengan mengurangkan kekerapan penyelenggaraan.
4.	Pembersihan kawasan luar.	
5.	Penyelenggaraan landskap.	
6.	Penyelenggaraan sanitari bin.	
7.	Pengurusan majlis.	Permohonan majlis untuk menjana pendapat perlu ditanggung oleh pemohon.
8.	Penyelenggaraan infra awam.	
9.	Penyelenggaraan Pest Control.	
10.	Penyelenggaraan sistem penyaman udara berpusat	Penjimatan dibuat dengan pengawalan kerja-kerja pembaikan berdasarkan aduan yang diterima.
11.	Penyelenggaraan bekalan air.	
12.	Penyelenggaraan kenderaan berat.	
13.	Penyelenggaraan kenderaan ringan.	
14.	Penyelenggaraan sistem PABX.	
15.	Pembaikan talian telefon.	
16.	Pembaikan SBP dan DAS.	
17.	Pembaikan CCTV.	

#### 4. TINDAKAN PELAKSANAAN

- 4.1 Carta alir perlaksanaan penjimatan bagi kontrak perkhidmatan yang memerlukan perjanjian tambahan adalah seperti yang terdapat pada Rajah 1.0.



Rajah 1.0: Carta Alir Perlaksanaan Penjimatan bagi kontrak perkhidmatan sedia ada yang memerlukan perjanjian tambahan.

- 4.2 Menyemak semula jadual atau kekerapan pembersihan/ pencucian/ penyelenggaraan di dalam kontrak sedia ada. Jadual atau kekerapan yang baru disediakan dan dibuat perbandingan dengan jadual sedia ada. Kriteria penjimatan yang dilaksanakan adalah:
- 4.2.1 Penjimatan yang dilaksanakan tidak mengurangkan prestasi perkhidmatan sedia ada.
  - 4.2.2 Penjimatan yang akan dilakukan tidak boleh mengabaikan keperluan undang-undang statutori.
  - 4.2.3 Pengurangan skop di dalam kontrak sedia ada boleh di laksanakan oleh staf Bahagian Fasiliti.
- 4.3 Hasil daripada semakan dokumen sedia ada, terdapat empat (4) keadaan dimana:
- 4.3.1 Dokumen sedia ada mempunyai baki nilai kontrak yang masih banyak boleh dicadangkan untuk dipanjangkan tempoh kontrak
  - 4.3.2 Dokumen sedia ada yang mempunyai baki kontrak yang sedikit tidak dicadangkan untuk dipanjangkan kontrak. Perlu menunggu kontrak tamat dan dokumen baru dibuat dengan jadual dan skop penjimatan.
  - 4.3.3 Kontraktor yang tidak mempunyai prestasi yang baik tidak dicadangkan untuk dipanjangkan kontrak.
  - 4.3.4 Penjimatan yang maksima telah dilaksanakan oleh itu tiada apa-apa perubahan terhadap kontrak sedia ada dan akan datang.

## 5. KESAN PENJIMATAN

Pelaksanaan penjimatan terhadap kontrak perkhidmatan pengurusan fasiliti ini akan memberikan kesan kepada beberapa pihak. Diantara kesan tersebut adalah:

- 5.1 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) akan melaksanakan sendiri kerja-kerja pembersihan atau pencucian bagi bilik atau ruang yang terhad.
- 5.2 Kos Kerja Lebih Masa akan bertambah apabila kerja-kerja di dalam skop kontraktor dilaksanakan oleh staf. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan penjimatan masih berlaku.
- 5.3 Secara tidak langsung dapat mendidik staf dan pelajar untuk menjadi lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan fasiliti di ruang masing-masing.

## **6. PENUTUP**

Adalah diharapkan garis panduan yang disediakan ini dapat membantu semua PTJ dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) Kampus Cawangan dalam merancang tindakan seterusnya untuk melaksanakan dan menghadapi kesan pelaksanaan penjimatan kontrak pengurusan fasiliti.